



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

MexComm Sdn Bhd Didenda RM15,000 kerana Iklan SMS Mengelirukan

CYBERJAYA, 2 Mei 2014 --- Syarikat MexComm Sdn Bhd (MexComm) dijatuhi hukuman denda sebanyak RM15,000 kerana kesalahan menghantar iklan SMS yang menyalahi Standard Mandatori untuk Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Hasil siasatan MCMC mendapati MexComm telah menyalahi perenggan 69 dan 71 Standard Mandatori kerana menghantar iklan SMS dengan menggunakan kod ringkas 62228 kepada seorang pelanggan Maxis.

SMS berikut: "*RM0.00 Perhatian !! Sms ON SITI ke 32339 skrg dan dpt gambar yg menarik !! Vid mp3.pdf PERCUMA jgn tunggu lagi! Type out to opt out. Mx1300223228*" terbukti mengelirukan dan tidak mengandungi maklumat lengkap mengenai harga perkhidmatan langganan serta penyelia kandungan.

Siasatan lanjut turut mendapati, syarikat MexComm Sdn Bhd telah melanggar Syarat 2.2 Lesen Kelas ASP No: ASP/C/2005/3 yang mengkehendaki syarikat tersebut untuk mematuhi segala peruntukan yang dikeluarkan oleh MCMC. Hakim Azwarnida Affandi menjatuhkan hukuman denda itu kepada MexComm Sdn Bhd yang diwakili oleh Pengawal Kewangan Kumpulannya, Encik Lim Siow Fai di Mahkamah Sesyen Jenayah 7 Kuala Lumpur.

MexComm didakwa di bawah Seksyen 127 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 242 akta yang sama, yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Malaysian Communications and Multimedia Commission

Off Persiaran Multimedia

63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi: Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: cccd@cmc.gov.my